A

LEE YONG MENG

lwn.

MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZIAH ALI H
[SAMAN PEMULA NO: R1-24-71-2010]
20 DISEMBER 2010

C

TAHANAN PENCEGAHAN: *Perintah sekatan - Sekatan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 - Sama ada sekatan pemohon tidak sah dan terbatal - Ketidakpatuhan kepada peruntukan-peruntukan Akta - Percanggahan material dalam afidavit-afidavit responden - Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah*

D

Pencegahan Khas) 1985, ss. 3(3), 5(2), 6(1), (3)

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Tahanan pencegahan - Perintah sekatan kediaman - Sekatan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 - Sama ada sekatan*

E

pemohon tidak sah dan terbatal - Ketidakpatuhan kepada peruntukan-peruntukan Akta - Percanggahan material dalam afidavit-afidavit responden - Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, ss. 3(3), 5(2), 6(1), (3)

F

Pemohon telah dikenakan sekatan kediaman berikutan dengan suatu perintah sekatan kediaman di bawah s. 6(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta') yang ditandatangani oleh responden pertama, Timbalan Menteri Dalam Negeri ('Menteri'), pada 29 Mac 2010. Melalui tindakan ini, pemohon memohon, antara lain, untuk satu deklarasi bahawa

G

sekatan pemohon adalah tidak sah dan terbatal dan relif selanjutnya bahawa beliau bebas daripada syarat-syarat sekatan di bawah perintah sekatan tersebut. Peguam pemohon mencabar kesahan perintah sekatan tersebut atas alasan-alasan berikut: (i) ketidakpatuhan kepada s. 5(2) Akta; (ii) percanggahan yang

H

material dalam afidavit-afidavit responden; (iii) ketidakpatuhan kepada s. 3(3) Akta; dan (iv) ketidakpatuhan kepada s. 6(1) Akta.

Diputuskan (menolak permohonan dengan kos):

I

(1) Dalam kes ini pegawai siasatan telah menyatakan tidak ada halangan bagi beliau dan pemohon untuk berkomunikasi dan memahami satu sama lain dalam Bahasa Malaysia. Adalah

menjadi undang-undang mantap penyataan seseorang saksi harus diterima melainkan terdapat alasan-alasan untuk menolak penyataan tersebut. Tiada ada apa-apa alasan untuk tidak menerima kenyataan ASP Irwan Effandi Ahad, Inspektor Mohd Rozilan dan Pegawai Siasatan bahawa pemohon faham Bahasa Malaysia dan boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia walaupun tidak fasih. Tiada percanggahan afidavit-afidavit seperti yang didakwa oleh peguam pemohon dan, oleh demikian, pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa terdapat ketidakpatuhan s. 5(2) Akta. (perenggan 10)

(2) Afidavit oleh Inspektor Hairul Azmi Mahat menunjukkan bahawa beliau bertanggungjawab menjalankan siasatan terhadap pemohon di bawah s. 3(1) Akta dan seterusnya menyebabkan satu salinan laporan lengkap mengenai penangkapan dan tahanan pemohon dikemukakan kepada Menteri dan Pegawai Siasatan. Inspektor Hairul Azmi Mahat menyatakan bahawa pada 16 Mac 2010 beliau telah mengemukakan satu salinan laporan lengkap penyiasatan kepada Menteri dan Pegawai Siasatan. Kedua-dua Menteri dan Pegawai Siasatan mengaku telah menerima laporan tersebut. Oleh itu, tidak berlaku ketidakpatuhan s. 3(3) seperti yang didakwa oleh pemohon. (perenggan 12)

(3) Afidavit yang diikrarkan oleh oleh Menteri menunjukkan bahawa pada 16 Mac 2010 beliau telah menerima laporan yang disediakan oleh Inspektor Hairul Azmi dan pada 22 Mac 2010 beliau telah menerima laporan yang disediakan oleh Pegawai Siasatan. Menteri menyatakan bahawa beliau telah menimbang dengan penuh teliti laporan-laporan tersebut dan berpuashati bahawa terdapat bukti menunjukkan pemohon pernah ada atau sedang ada kaitan dengan aktiviti yang berhubungan dengan pengedaran dadah berbahaya yang memudaratkan ketenteraman awam dan adalah perlu bagi ketenteraman awam supaya pemohon disekat. Oleh demikian, Menteri telah mematuhi pra-syarat di bawah s. 6(1) Akta. (perenggan 15)

(4) Berdasarkan alasan-alasan di atas, pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa perintah sekatan yang dibuat terhadapnya adalah tidak sah. (perenggan 16)

Kes-kes yang dirujuk:

L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 7 CLJ 653 FC ***(dirujuk)***

Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 4 CLJ 613 FC ***(dirujuk)***

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors v. Arasa Kumaran [2006] 4 CLJ 847 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 3(1), (2), (3), 5(2), (4), 6(1), (3)

Bagi pihak pemohon - KL Chee; T/n KL Chee & Co
Bagi pihak responden - Natasya Nazar Peguam Persekutuan

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Aziah Ali H:

[1] Pemohon telah di kenakan sekatan kediaman di Mukim Kepayang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan berikutan dengan suatu perintah sekatan kediaman di bawah s. 6(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ("Akta tersebut") yang di tandatangani oleh responden pertama, Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 29 Mac 2010.

[2] Melalui tindakan ini pemohon memohon perintah seperti berikut:

(a) Satu deklarasi bahawa sekatan pemohon di Mukim Kepayang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan dibawah satu perintah sekatan bertarikh 29 Mac 2010 dibawah s. 6(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah tidak sah dan terbatal;

(b) Relif selanjutnya bahawa pemohon bebas daripada syarat-syarat sekatan di bawah perintah sekatan bertarikh 29 Mac 2010;

(c) Kos permohonan ini; dan

(d) Relif lain dan selanjutnya apa jua yang dianggap patut oleh Mahkamah yang Mulia ini.

[3] Dalam hujahan bertulisnya peguam pemohon mencabar kesahan Perintah Sekatan yang dibuat atas alasan-alasan seperti berikut:

(i) ketidakpatuhan kepada s. 5(2);

(ii) ketidakpatuhan kepada s. 3(3);

(iii) ketidakpatuhan kepada s. 6(1), dan

(iv) percanggahan yang material dalam afidavit-afidavit responden.

Ketidakpatuhan s. 5(2)

[4] Pihak pemohon mendakwa terdapat ketidakpatuhan s. 5(2) Akta yang memperuntukkan seperti berikut:

> 5(2) Upon receiving the report under subsection 3(3), the Inquiry Officer shall inquire whether there are reasonable grounds for believing that such person has been or is associated with any activity relating to or involving the trafficking in dangerous drugs

Pemohon mendakwa bahawa beliau tidak faham apa yang berlaku semasa siasatan dijalankan oleh Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri ("Pegawai Siasatan") kerana tiada jurubahasa Cina yang hadir untuk menterjemahkan kepadanya apa yang berlaku dalam bahasa yang di fahaminya iaitu bahasa Cina Mandarin atau loghat Hokkien. Peguam bijaksana bagi pemohon menghujah bahawa afidavit jawapan Pegawai Siasatan tidak menyatakan ada jurubahasa Cina hadir semasa siasatan atau merakamkan percakapan pemohon. Justeru itu, pemohon tidak faham apa yang berlaku semasa siasatan dijalankan oleh Pegawai Siasatan. Oleh itu pihak pemohon mendakwa bahawa laporan yang disediakan oleh Pegawai Siasatan dibawah s. 5(2) adalah defektif yang menyebabkan Perintah Sekatan yang dikeluarkan terhadap pemohon menjadi tidak sah dan terbatal kerana laporan Pegawai Siasatan merupakan suatu "pra-syarat" yang perlu diteliti dan dikaji oleh Menteri sebelum mengeluarkan perintah terhadap pemohon.

[5] Peguam yang bijaksana selanjutnya merujuk kepada affidavit Insp. Mohd Rozilan bin Mat Yusoff yang menyatakan bahawa pemohon memberitahunya bahawa pemohon kurang fasih berbahasa Malaysia tetapi fasih berbahasa Cina loghat Hokkien.

Penterjemah D/Kpl Ong Choon Lai yang menterjemah Perintah Sekatan kepada Pemohon dalam afidavitnya menyatakan bahawa beliau menterjemah Perintah Sekatan dari Bahasa Malaysia kepada loghat Hokkien. Peguam yang bijaksana berhujah bahawa ini jelas menunjukkan bahawa pemohon kurang fasih Bahasa Malaysia.

[6] Peguam Persekutuan merujuk kepada perenggan 5 afidavit ASP Irwan Effandi, pegawai yang merakam percakapan pemohon pada 4 Mac 2010 dan 5 Mac 2010 yang menyatakan bahawa Pemohon faham Bahasa Malaysia dan fasih Bahasa Cina loghat Hokkien. Insp. Mohd. Rozilan pegawai yang menyampaikan Perintah Sekatan kepada Pemohon dalam afidavitnya menyatakan bahawa pemohon kurang fasih Bahasa Malaysia tetapi fasih dan faham Bahasa Cina loghat Hokkien. Peguam Persekutuan yang bijaksana juga merujuk kepada perenggan 5 afidavit Pegawai Siasatan yang menyatakan bahawa pemohon faham Bahasa Malaysia. Oleh demikian Peguam Persekutuan berhujah bahawa tiada percanggahan antara ketiga-tiga afidavit yang tersebut di atas kerana daripada keterangan yang dinyatakan di dalam ketiga-tiga afidavit yang dirujuk tadi menunjukkan bahawa pemohon kurang fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia tetapi faham Bahasa Malaysia dan pemohon fasih dan faham Bahasa Cina loghat Hokkien.

[7] Saya dapati daripada afidavit ASP Irwan Effandi bin Ahad, pegawai yang telah merakamkan percakapan pemohon selama dua hari pada 4 Mac 2010 dan pada 5 Mac 2010, bahawa pemohon memberitahunya bahawa beliau faham Bahasa Malaysia serta fasih dan faham Bahasa Cina loghat Hokkien. Selain dari itu Insp. Mohd. Rozilan dalam afidavitnya menyatakan pemohon kurang fasih Bahasa Malaysia tetapi fasih dan faham bahasa Cina loghat Hokkien. Dalam afidavit Pegawai Siasatan beliau mengatakan bahawa beliau telah diberitahu oleh pemohon bahawa Pemohon faham dan boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia. Menurutnya sepanjang siasatan dijalankan, komunikasi antara pemohon dan beliau berjalan lancar tanpa sebarang halangan dan pemohon mengaku faham semua pertuturan yang berlaku. Semua dokumen yang pemohon diminta tandatangani telah diterangkan isi kandungannya terlebih dahulu. Oleh demikian dari afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak responden apa yang jelas adalah walau pun pemohon tidak fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia, beliau faham Bahasa Malaysia.

[8] Persoalan sama ada seorang penterjemah diperlukan adalah bergantung kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. Jika daripada keterangan yang ada menunjukkan bahawa pemohon faham apa yang dicakapkan kepadanya oleh Pegawai Siasatan walau pun beliau kurang fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia, keperluan penterjemah tidak berbangkit. Saya berpendapat apa yang perlu diambil perhatian adalah sama ada pemohon faham apa yang dicakapkan kepadanya oleh Pegawai Siasatan.

[9] Isu faham (understand) dan fasih (fluent) adalah dua perkara yang berbeza. Seseorang yang tidak fasih dalam sesuatu bahasa tidak dengan sendirinya bermakna bahawa dia tidak faham bahasa tersebut. Dalam kes ini pemohon adalah seorang rakyat Malaysia yang berumur 56 tahun. Adalah tidak munasabah bagi seorang rakyat Malaysia yang berumur 56 tahun tidak dapat memahami Bahasa Malaysia yang menjadi bahasa resmi dan diguna setiap hari oleh penduduk negara ini.

[10] Dalam kes ini Pegawai Siasatan telah menyatakan tidak ada halangan bagi beliau dan pemohon untuk berkomunikasi dan memahami satu sama lain dalam Bahasa Malaysia. Adalah menjadi undang-undang mantap penyataan seseorang saksi harus diterima melainkan terdapat alasan-alasan untuk menolak penyataan tersebut. Saya dapati tiada ada apa-apa alasan untuk tidak menerima kenyataan ASP Irwan Effandi bin Ahad, Insp. Mohd. Rozilan dan Pegawai Siasatan bahawa pemohon faham Bahasa Malaysia dan boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia walau pun tidak fasih. Saya dapati tiada percanggahan affidavit-afidavit seperti yang didakwa oleh peguam pemohon. Oleh demikian saya dapati bahawa pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa terdapat ketidakpatuhan s. 5(2) Akta.

Ketidakpatuhan s. 3(3)

[11] Pemohon selanjutnya mendakwa bahawa terdapat ketidakpatuhan s. 3(3) Akta yang memperuntukkan seperti berikut:

> 3(3) The police officer making an investigation pertaining to a person arrested and detained under this section shall cause a copy of the complete report of the investigation to be submitted:

A (a) to the Inquiry officer appointed under subsection 5(1); and

(b) to the Minister,

within such period as may be prescribed by the Minister by regulations made under this Act.

B

[12] Afidavit oleh Insp Hairul Azmi bin Mahat menunjukkan bahawa beliau bertanggungjawab menjalankan siasatan terhadap pemohon di bawah s. 3(1) Akta dan seterusnya menyebabkan satu salinan laporan lengkap mengenai penangkapan dan tahanan C Pemohon dikemukakan kepada Menteri dan Pegawai Siasatan. Insp Hairul Azmi menyatakan bahawa pada 16 Mac 2010 beliau telah mengemukakan satu salinan laporan lengkap penyiasatan kepada Menteri dan Pegawai Siasatan. Kedua-dua Menteri dan Pegawai Siasatan mengaku telah menerima laporan tersebut. Oleh D demikian saya mendapati tidak berlaku ketidakpatuhan s. 3(3) seperti yang didakwa oleh pemohon.

Ketidakpatuhan s. 6(1)

[13] Seksyen 6(1) memperuntukan seperti berikut:

E

6. Power to order detention and restriction of persons.

(1) Whenever the Minister, after considering:

(a) the complete report of investigation submitted under F subsection (3) of section 3; and

(b) the report of the Inquiry Officer submitted under subsection (4) of section 5,

is satisfied with respect to any person that such person has been G or is associated with any activity relating to or involving the trafficking in dangerous drugs, the Minister may, if he is satisfied that it is necessary in the interest of public order that such person be detained, by order (hereinafter referred to as a "detention order") direct that such person be detained for a period not exceeding two years.

H

[14] Dalam kes *L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 7 CLJ 653 Mahkamah Persekutuan mengesahkan bahawa keputusan dalam kes *Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* I [2005] 4 CLJ 613 dan *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri*

Malaysia & Ors v. Arasa Kumaran [2006] 4 CLJ 847 masih terpakai. Dalam kes *Mohd Faizal Haris* Mahkamah Persekutuan berkata seperti berikut:

> Firstly, an application for a writ of *habeas corpus* must be directed against the current detention order even when the earlier arrest had been irregular. Secondly, any irregularity for non compliance with the procedures under s. 3(2)(a), (b) and (c) is not a relevant matter for consideration when it has been superseded by the Deputy Minister's detention order made under s. 6(1) of the Act. Thirdly, the pre-condition to the exercise of the Deputy Minister's power to order a detention is merely to consider the reports of investigation made by the police and the inquiry officer. And lastly, there is no necessity to explain the sequence of events that transpired prior to the making of the detention order, and it follows that there is no necessity to file explanatory affidavits in relation to the prior arrest of the detainee.

Berdasarkan kes di atas, pra-syarat yang perlu dipatuhi oleh Menteri adalah untuk memberi pertimbangan hanya kepada laporan yang dikemukakan di bawah s. 3(3) dan s. 5(4) sahaja. Apa-apa ketidakpatuhan prosedur yang berlaku di peringkat siasatan yang dibuat di bawah s. 3(2) adalah tidak berkaitan dengan isu kesahan sesuatu perintah sekatan.

[15] Afidavit yang diikrarkan oleh Menteri menunjukkan bahawa pada 16 Mac 2010 beliau telah menerima laporan yang disediakan oleh Insp Hairul Azmi dan pada 22 Mac 2010 beliau telah menerima laporan yang disediakan oleh Pegawai Siasatan Shaharaliza. Menteri menyatakan bahawa beliau telah menimbang dengan penuh teliti laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan oleh pihak polis dan Pegawai Siasatan dan berpuashati bahawa terdapat bukti menunjukan pemohon pernah ada atau sedang ada kaitan dengan aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya yang memudaratkan ketenteraman awam dan adalah perlu bagi ketenteraman awam supaya pemohon disekat. Oleh demikian saya dapati bahawa Menteri telah mematuhi pra-syarat di bawah s. 6(1).

[16] Berdasarkan alasan-alasan di atas saya dapati bahawa Pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa Perintah Sekatan yang dibuat terhadapnya adalah tidak sah. Oleh itu saya menolak permohonan ini dengan kos sebanyak RM4,000 kepada responden ke-empat.